

14/05/1999

Daim, Mustapa ketua misi perkenal bon

Kamal Ahmad; Minarni Mat Saad

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Malaysia akan menghantar tiga pasukan untuk memperkenalkan terbitan bon kedaulatannya di beberapa rantau di seluruh dunia.

Beliau berkata, pasukan pertama akan diketuai oleh Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, pasukan kedua oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, dan yang ketiga terdiri daripada pegawai tertinggi Bank Negara Malaysia.

Mengenai bila promosi bergerak itu akan bermula, Perdana Menteri berkata, ia sedang dikaji.

Dr Mahathir juga melahirkan keyakinan bahawa bon berkenaan akan mendapat sambutan baik.

"Kita sudah membuat kajian dan penyelidikan terlebih dahulu dengan mendapatkan maklum balas daripada institusi kewangan antarabangsa.

"Kita dapati mereka tidak terpengaruh dengan penarafan yang dibuat agensi penarafan antarabangsa. Sebaliknya, mereka berminat untuk membeli bon kita.

"Jadi kita percaya kita dapat menjual bon itu dengan julat yang cukup baik bagi kita," katanya selepas merasmikan bangunan baru UMNO Selangor, di Shah Alam, semalam.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini apabila Malaysia mahu menghantar pasukan untuk memperkenalkan bon kedaulatannya, agensi penarafan antarabangsa seperti Moody's dan Standard & Poor's menurunkan penarafan kredit negara.

Beliau berkata, jika Malaysia tetap berkeras untuk menerbitkan bon itu, negara terpaksa membayar kadar faedah tinggi pada 15 peratus.

Sementara itu, Kementerian Kewangan semalam mengesahkan kerajaan Malaysia sudah memfailkan kenyataan pendaftaran dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika Syarikat di bawah Jadual B Akta Sekuriti AS 1993 bagi penerbitan sekuriti hutang sehingga AS\$3 bilion yang mana sejumlah AS\$2 bilion akan diterbitkan pada peringkat permulaan.

Dalam satu kenyataan, kementerian itu menyatakan bon global itu akan ditawarkan kepada pelabur di Asia, Eropah dan Amerika.

Ia juga mengumumkan pelantikan Salomon Smith Barney sebagai pengurus utama bagi penawaran bon global itu.

Satu pameran bergerak pelabur dirancang di Asia, Eropah dan Amerika bermula pada Isnin, kata kementerian itu sambil menambah pengumuman semalam bukannya satu tawaran jualan sekuriti di Amerika.

Ia menjelaskan sekuriti itu mungkin tidak ditawarkan atau dijual di Amerika tanpa pendaftaran atau pengecualian daripada pendaftaran.

Menurut kenyataan itu, sebarang tawaran awam sekuriti yang akan dibuat oleh Malaysia di Amerika akan dilakukan dengan cara prospektus yang mengandungi maklumat terperinci mengenai Malaysia yang boleh diperolehi daripada Kerajaan Malaysia atau Salomon Smith Barney.

Dalam perkembangan berkaitan, Bernama memetik Mustapa sebagai berkata, beliau akan memulakan pameran bergerak selama 10 hari ke lima negara untuk memperkenalkan terbitan bon bernilai AS\$2 bilion (RM7.6 bilion) bermula pada Isnin.

Pasukan Mustapa akan berada di Hong Kong, Tokyo, Milan, Frankfurt, Boston dan New York untuk tujuan itu.

Mustapa berkata, penasihat kewangan kerajaan, Salomon Smith Barney, sudah mendaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa di Washington pada

11 Mei untuk menyatakan keputusan Malaysia menerbitkan bon berkenaan.
(END)